

Ruj. Kami : LPIPM:SKLV/BPFK/01/1/3 Klt. 5 (36)  
Tarikh : 18 Ogos 2022



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
Ibu Pejabat  
Tingkat 10, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur  
Tel : 603-4047 7000 Fax : 603-4047 7070  
E : www.cidb.gov.my

**MASTER BUILDER ASSOCIATION MALAYSIA (MBAM)**

No.2 Jalan 2/109E,  
Taman Desa Business Park,  
58100 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

*Dear Mr President,*

**PEMAKLUMAN FUNGSI TAMBAHAN DI DALAM SISTEM CIMS IAITU PROSES KUIRI OLEH PEGAWAI PROSES BAGI PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)**

---

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan berkuatkuasa 22 Ogos 2022, fungsi tambahan dalam proses penilaian permohonan pembaharuan PPK iaitu Kuri Permohonan akan diwujudkan. Kuri permohonan merupakan suatu proses yang memberi peluang kepada kontraktor untuk :

- i. Mengemaskini semula permohonan berdasarkan ulasan yang diberikan semasa semakan awal dibuat oleh pihak CIDB.
- ii. Menyelaraskan semula maklumat yang diisytihar dan dokumen yang dimuatnaik.

Tiada sebarang fi tambahan dikenakan ke atas proses ini. Sekiranya tiada sebarang tindakan kemaskini dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan, permohonan akan diproses berdasarkan maklumat yang telah diisytihar sebelum itu.

3. Fungsi tambahan ini diadakan selaras dengan hasrat pihak CIDB untuk sentiasa mempertingkatkan sistem penyampaian awam. Justeru itu kerjasama pihak tuan/puan adalah dipohon untuk membuat hebahan mengenai perkara ini kepada pihak kontraktor. Sebarang pertanyaan lanjut sila berhubung dengan Bahagian Pendaftaran Kontraktor, Sektor Kontraktor dan Levi menerusi emel upk@cidb.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BINA SEMPURNA”**

**( Sr MOHD ZAID ZAKARIA )**

Timbalan Ketua Eksekutif II  
b.p. Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

s.k - Sektor Kontraktor dan Levi